



SOALAN-SOALAN LAZIM

DANA PROGRAM PEMBIAYAAN AGROTEKNOLOGI MADANI

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah Dana Program Pembiayaan Agroteknologi Madani (DPPAM)?	<p>Dana Program Pembiayaan Agroteknologi MADANI (DPPAM) merupakan kemudahan pembiayaan yang ditawarkan melalui Agrobank bagi meningkatkan penggunaan agroteknologi dalam sektor agromakanan selaras dengan agenda pemodenan dan pertanian pintar yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).</p> <p>Program kemudahan pembiayaan ini juga merupakan sebagai galakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan agroteknologi seperti <i>Controlled Environment Agriculture</i>, pertanian bandar (<i>urban farming</i>), teknologi berteraskan 4IR (<i>Internet of Things</i> (IoT), <i>Artificial Intelligence</i>) teknologi mekanisasi dan automasi serta penggunaan teknologi hijau dalam meningkatkan produktiviti ke arah keterjaminan makanan dan memastikan Kadar Sara Diri (<i>Self Sufficiency Ratio (SSR)</i>) makanan utama berada pada tahap yang baik.</p>
2.	Apakah skop pembiayaan di bawah DPPAM?	<ol style="list-style-type: none"> Perolehan peralatan atau teknologi bagi memacu peningkatan pengeluaran hasil dengan kualiti atau kuantiti yang lebih tinggi berbanding kaedah konvensional; Perolehan teknologi dan sistem yang telah digunakanpakai oleh mana-mana projek sedia ada dan diperakukan hasil; dan Peluasan skop perniagaan dan penggunaan teknologi hendaklah menyumbang kepada peningkatan produktiviti dalam aktiviti pertanian. <p>Kos teknologi mestilah sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah pembiayaan.</p>
3.	Siapakah yang layak memohon pembiayaan di bawah DPPAM?	<ol style="list-style-type: none"> Individu dan bukan individu (entiti perniagaan); Berumur antara 18 tahun (semasa permohonan) hingga 70 tahun (pada tarikh matang pembiayaan); Bagi bukan individu, entiti perniagaan mestilah dimiliki sebanyak 51% oleh warganegara Malaysia berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis Malaysia seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau organisasi berdaftar dengan mana-mana agensi yang diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang beroperasi di Malaysia; Aktiviti perniagaan mestilah patuh syariah; Tidak tertakluk kepada tindakan undang-undang iaitu di bawah prosiding kehakiman atau diisyiharkan bankrap/penggulungan atau yang boleh membawa kepada tindakan kebankrapan dan prosiding penggulungan; Menjalankan aktiviti pertanian dengan skala operasi yang bersesuaian bagi tujuan komersial (kesesuaian skala operasi tertakluk kepada jenis projek pertanian); Menghasilkan produk bagi tujuan domestik atau eksport; Pemohon yang menjalankan kegiatan perniagaan di bawah ruang/lot yang didaftarkan secara komersial menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] (Bahagian IV Kawalan Perancangan, Seksyen 18) dan/atau tindakan yang relevan yang berkaitan dengan penggunaan tanah untuk pertanian;



SOALAN-SOALAN LAZIM

DANA PROGRAM PEMBIAYAAN AGROTEKNOLOGI MADANI

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>9. Kategori teknologi adalah seperti Controlled Environment Agriculture, pertanian bandar (urban farming), teknologi mekanisasi dan automasi, teknologi 4IR (IoT, AI, blockchain, bahan atau teknologi termaju dan pengkomputeran awan serta analisis data raya) dan teknologi hijau (termasuk bioteknologi, tenaga boleh diperbaharui dan waste-to-wealth) dalam meningkatkan produktiviti ke arah keterjaminan makanan. Jenis teknologi boleh dirujuk laman sesawang DirekTANI serta Terminologi – Teknologi Agromakanan; dan</p> <p>10. Program adalah tebuka kepada pertanian kotrak dan pertanian bukan kontrak.</p>
4.	Bagaimakah proses permohonan pembiayaan boleh dilakukan?	<p>Langkah Pertama : Pendaftaran Sebagai Pemohon DPPAM di Peringkat Kementerian</p> <p>Memulakan pendaftaran sebagai pemohon DPPAM melalui Sistem eBorang KPKM di laman sesawang rasmi KPKM (https://kpkm.borang.my/). Cetakan borang atau emel diperlukan sebagai bukti pendaftaran serta dijadikan surat iringan bagi dokumen permohonan pembiayaan yang akan dikemukakan di mana-mana cawangan Agrobank.</p> <p>Langkah Kedua: Mengemukakan Permohonan Pembiayaan di Cawangan Agrobank</p> <p>Setelah membuat pendaftaran di laman sesawang KPKM, pemohon hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. mengisi Borang Permohonan Kemudahan Pembiayaan. ii. menyediakan dokumen berdasarkan Senarai Semak Permohonan Kemudahan Pembiayaan. iii. menyertakan cetakan borang/emel sebagai surat iringan untuk dikemukakan di mana-mana cawangan Agrobank. <p>Langkah Ketiga: Pemakluman Keputusan Permohonan</p> <p>Pemakluman akan dibuat melalui Surat Tawaran/Surat Penolakan yang akan disediakan oleh pihak Agrobank dan akan dihantar kepada semua pemohon.</p>
5.	Apakah jenis produk pembiayaan yang ditawarkan di bawah program DPPAM?	<p>Pembiayaan Berjangka – i : Untuk menyediakan perbelanjaan modal tetapi tidak terhad kepada pembelian peralatan teknologi dan pemerolehan bahan untuk industri terlibat.</p> <p>Modal Kerja – i : Untuk menyediakan perbelanjaan operasi tetapi tidak terhad kepada kos untuk pembelian benih, baja, penyelenggaraan dan <i>overhead cost</i> seperti sistem utiliti, gaji pekerja dan lain-lain yang berkaitan dengan operasi ladang.</p>



SOALAN-SOALAN LAZIM

DANA PROGRAM PEMBIAYAAN AGROTEKNOLOGI MADANI

NO.	SOALAN	JAWAPAN
6.	Berapakah tempoh kemudahan pembiayaan di bawah program DPPAM?	<p>Pembiayaan Berjangka – i : Sehingga 10 tahun (120 bulan) termasuk 8 bulan tempoh penangguhan bayaran pembiayaan.</p> <p>Modal Kerja – i: Tertakluk kepada tempoh pembiayaan produk.</p>
7.	Berapakah had pembiayaan yang boleh dimohon? * Tertakluk pada terma dan syarat	Minimum: RM10,000* Maksimum: RM5,000,000* (bagi setiap permohonan)
8.	Berapakah kadar keuntungan (kadar keuntungan efektif) dikenakan kepada pelanggan? * Tertakluk pada terma dan syarat	<p>Pembiayaan Berjangka – i</p> <ul style="list-style-type: none"> • 0%* untuk 8 bulan pertama (tempoh penangguhan bayaran pembiayaan) • 2.0%* setahun, dikira setiap bulan selepas itu sehingga tamat tempoh. <p>Modal Kerja – i</p> <ul style="list-style-type: none"> • 2.0%* setahun, dikira setiap hari ke atas baki pembiayaan.
9.	Berapakah Kadar Keuntungan Siling (KKS) dikenakan kepada pelanggan? * Tertakluk pada terma dan syarat	Kadar Keuntungan Siling: Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + 4.00%* setahun atau 10%*, mana-mana yang lebih tinggi untuk pengiraan harga jualan.
10.	Bagaimanakah wang pembayaran pembiayaan akan disalurkan?	<p>Operation Expenses (OPEX)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran kepada pembekal telah diselesaikan / dibayar sepenuhnya pada masa penyaluran pembiayaan. Pembayaran kepada pembekal yang telah diselesaikan / dibayar mestilah disokong dengan bukti/resit pembayaran. • Pembayaran pembiayaan akan disalurkan kepada pembekal selepas pemohon mengemukakan dokumentari pembelian (i.e. invoice) yang boleh diterima oleh pihak Bank. <p>Capital Expenditure (CAPEX)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran pembiayaan akan disalurkan kepada pembekal selepas pemohon mengemukakan dokumentari pembelian yang boleh diterima oleh pihak Bank. • Penyaluran pembiayaan secara progresif adalah berdasarkan peratus kemajuan dan dilampirkan sekali dengan laporan kemajuan kerja. • Penyaluran pembiayaan secara pembayaran balik (<i>reimbursement</i>) adalah dibenarkan tertakluk kepada bukti pembayaran seperti invoice, resit, penyata bank yang boleh diterima oleh pihak Bank. • Pembayaran kepada pembekal telah diselesaikan / dibayar sepenuhnya pada masa penyaluran pembiayaan. Pembayaran kepada pembekal yang telah diselesaikan / dibayar mestilah disokong dengan bukti/resit pembayaran.



SOALAN-SOALAN LAZIM

DANA PROGRAM PEMBIAYAAN AGROTEKNOLOGI MADANI

NO.	SOALAN	JAWAPAN
11.	Berapakah margin pembiayaan?	<ul style="list-style-type: none"> Sehingga 100% termasuk kos sumbangan takaful, duti setem, atau apa-apa kos yang berkaitan dengan penyelesaian pembiayaan.
12.	Apakah sekuriti yang diperlukan?	<ul style="list-style-type: none"> a) Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) / <i>Credit Guarantee Corporation ("CGC")</i> tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, Bank mungkin memerlukan debentur sebagai jaminan, yang melibatkan caj tetap ke atas aset tertentu sebagaimana yang difikirkan perlu berdasarkan penilaian Bank. b) Bagi pembiayaan kurang daripada RM1 juta, tiada sekuriti, dan <i>Letter of Offer cum Agreement (LOCA)</i> akan diterima pakai. c) Pemohon yang memohon melalui <i>Anchor Company</i> bergantung kepada keupayaan dan pengalaman <i>Anchor Company</i>. d) Bagi Sendirian Berhad: <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Joint and Several Guarantees</i> kepada semua Pengarah dan pemegang saham individu. ii. Penjamin Korporat memegang lebih daripada 50% saham. iii. Jaminan oleh orang penting / orang tanpa mengira pegangan saham. e) Untuk Perkongsian Liabiliti Terhad - Jaminan setiap rakan kongsi untuk keseluruhan kemudahan f) Untuk Perbelanjaan Modal ("CAPEX") - Debentur khusus ke atas peralatan / jentera.
13.	Apakah kriteria teknologi di bawah program pembiayaan ini?	<ul style="list-style-type: none"> Jenis teknologi yang akan digunakan adalah agroteknologi seperti <i>Controlled Environment Agriculture</i>, pertanian bandar (<i>urban farming</i>), teknologi 4IR (<i>Internet of Things, Artificial Intelligence (AI), blockchain</i>, bahan atau teknologi termaju, pengkomputeran awan serta analisis data raya), teknologi mekanisasi dan automasi, serta teknologi hijau (termasuk bioteknologi, tenaga boleh diperbaharui dan <i>waste-to-wealth</i>) dalam meningkatkan produktiviti ke arah keterjaminan makanan. Teknologi yang digunakan hendaklah memacu peningkatan pengeluaran hasil dengan kualiti dan kuantiti yang lebih tinggi berbanding kaedah konvensional; Teknologi yang mempunyai projek perintis yang membuktikan kebolehlaksanaan dan keberkesanan teknologi di Malaysia adalah diutamakan. Teknologi yang ingin digunakan hendaklah mempunyai jaminan dan waranti, perkhidmatan selepas jualan yang memuaskan oleh penyedia teknologi dan pematuhan standard seperti SIRIM/ ISO/ MyGAP/ MyHijau/ adalah digalakkan.



SOALAN-SOALAN LAZIM

DANA PROGRAM PEMBIAYAAN AGROTEKNOLOGI MADANI

NO.	SOALAN	JAWAPAN
14.	Apakah konsep Shariah yang digunakan?	<p><u>Tawarruq</u></p> <p>Produk ini mengguna pakai konsep <i>tawarruq</i> yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urus niaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lain. Melalui pembiayaan ini, pihak Bank akan membeli komoditi (minyak sawit mentah, resin plastik atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh pembekal komoditi) daripada pembekal komoditi dengan harga kos (berdasarkan kepada jumlah pembiayaan). Kemudiannya, pihak Bank menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan secara Murabahah iaitu harga kos ditambah keuntungan dengan bayaran tertangguh. Seterusnya, pihak Pelanggan melantik Bank sebagai wakil (wakalah) untuk menjual komoditi tersebut pada harga kos secara tunai kepada pihak ketiga. Hasil jualan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan sebagai amaun pembiayaan yang dikehendaki oleh Pelanggan. Komoditi yang diguna pakai bagi tujuan transaksi <i>Tawarruq</i> tertakluk kepada komoditi broker.</p> <p><u>Wakalah</u></p> <p>Di bawah Kemudahan ini, Bank akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep <i>Wakalah</i>. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen pelanggan untuk menerima pembelian komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi lain bagi pihak pelanggan untuk melengkapkan transaksi <i>Tawarruq</i>.</p> <p>“Komoditi” dalam konteks transaksi <i>Tawarruq</i> adalah merujuk kepada apa-apa jenis komoditi patuh <i>Syariah</i> yang diterima pakai oleh Bank seperti minyak sawit mentah, plastik resin, kredit prabayar atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi yang diniagakan di mana-mana Platform Dagangan Komoditi yang diluluskan oleh Bank.</p>
15.	Bagaimanakah sekiranya saya membuat penyelesaian awal?	<ul style="list-style-type: none"> • Rebат (<i>Ibra</i>) akan diberikan kepada pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu senario (tetapi tidak terhad kepada) berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Penyelesaian awal atau penebusan awal atau pembayaran awal; ii. Penyelesaian Kemudahan disebabkan pelaksanaan penstrukturran; iii. Penyelesaian awal oleh pelanggan bagi kes kemungkir di mana walaupun pelanggan mungkir, pelanggan membuat penyelesaian penuh bagi keter hutang Kemudahan sebelum tarikh matang; iv. Penyelesaian oleh Pelanggan bagi kes penamat atau pembatalan Kemudahan sebelum tarikh matang.